



DR. MAHATHIR Mohamad bersalaman dengan Amran Abd. Aziz sambil diperhatikan oleh Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali (kiri) dan Norah Bachik (kanan) di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM), Kuala Lumpur, semalam.



AZIZAH Samad menyampaikan sumbangan kepada Amran Abd. Aziz sambil diperhatikan oleh Noh Omar dan anggota rombongan Exco Pergerakan Wanita UMNO di HUKM, semalam.

Mahathir, Wanita UMNO lawat Amran

Um-16/8/2004: 11 Perdana.

Oleh AZIAN AZIZ

KUALA LUMPUR 15 Ogos — Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini melawat bekas pengiring keselamatanannya semasa menjadi Perdana Menteri, Koperal Amran Abd. Aziz, 32, yang tercedera semasa berbalas tembakan dengan perompak di pusat membeli-belah Endah Parade, Sri Petaling di sini, Jumaat lalu.

Dr. Mahathir yang ditemani isterinya, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali

tiba di Kompleks Rawatan Pakar Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM), Cheras pada pukul 6.20 petang.

Turut mengiringi beliau ialah Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kuala Lumpur, Senior Asisten Komisyoner II, Abdul Aziz Bulat serta tiga pakar bedah yang menjalankan pembedahan ke atas Amran iaitu, Profesor Ghazali Mat Noor, Dr. Roslan Abd. Rahman dan Dr. Roszalina Ramli.

Dr. Mahathir juga sempat berbual

dengan isteri Amran, Norah Bachik dan anak-anaknya yang menemani anggota polis itu di wad.

Pada lawatan itu, Dr. Mahathir diberi penerangan mengenai kecederaan dan pembedahan yang dijalankan terhadap Amran semalam melalui gambar dalam sebuah kamera kompak digital oleh Dr. Roszalina.

Ketika diminta mengulas mengenai peningkatan kes jenayah di negara ini, Dr. Mahathir melahirkan keyakinan mengenai kemampuan polis menangani ancaman jenayah.

Dalam kejadian Jumaat lalu, Amran yang merupakan Anggota Unit Tindak Cepat (UTC) cedera ketika berbalas tembak dengan lima penjenayah yang baru melakukan rompakan di sebuah kedai emas di pusat membeli-belah Endah Parade, Sri Petaling di sini.

Kelima-lima penjenayah yang bersenjata empat pucuk pistol dan bom buatan sendiri itu bagaimanapun berjaya ditembak mati.

Sementara itu, Dr. Roszalina mem-

beritahu, Amran yang menjalani pembedahan mengeluarkan peluru di dagunya mengalami kecederaan di langit lembut dan keras.

Ujar beliau, Amran juga mengalami patah dua batang gigi geraham kanan sebelah atas dan kecederaan tisu lembut.

“Esok kita akan menjalankan X-ray terhadap Amran untuk menentukan sama ada dia perlu menjalani pembedahan kedua untuk mengeluarkan sedikit lagi serpihan peluru di lela-

ngitnya,” kata beliau yang merupakan Pakar Bedah Mulut dan Maksilofasial HUKM.

Menurut beliau, Amran mungkin akan dipindahkan ke wad pesakit luar dalam tempoh seminggu dan akan dibenarkan pulang selepas beliau benar-benar pulih.

Sebelum itu, Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Noh Omar dan Penolong Setiausaha Wanita UMNO, Datuk Faridah Abu Hassan serta rombongan turut melawat Amran.